

Depopulasi Komuniti Pulau Kecil di Sekitar Mersing: Faktor Penentu dan Implikasinya

Mustaffa Omar, Marsitah Mohd Radzi & Mohd Nasir Selamat

Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan & Persekitaran
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Pengenalan

Kertas ini bertujuan untuk menganalisis trend depopulasi yang sudah lama dan sedang berlaku di beberapa pulau kecil sekitar Mersing. Apa yang penting dalam kertas ini adalah untuk menarik perhatian umum bahawa proses depopulasi ini memang sudah lama berlaku dan masih berterusan. Lantas, perhatian serius oleh pihak berkenaan harus diberi dalam hal ini bagi menjamin pulau-pulau di sekitar Mersing ini kelak tidak menjadi pulau tidak berpenghuni lagi pada suatu ketika nanti. Apa yang lebih digusari di sini ialah jika proses depopulasi ini tidak dibendung dengan pantas, pastinya ia akan membawa kepada implikasi yang besar terhadap kehidupan penduduk setempat khususnya dan hal ehwal keselamatan negara amnya. Setelah berusaha mengenal pasti isu yang dibangkitkan, langkah seterusnya dalam kertas ini adalah mengenal pasti faktor-faktor penentu kepada proses depopulasi ini, termasuk mengambil kira apakah implikasi daripada proses tersebut terhadap pembangunan dan masa depan penduduk yang mendiami pulau-pulau kecil ini.

Data kajian diperolehi melalui dua sesi kerja lapangan dengan menggunakan soal selidik, teknik temu bual bersemuka dan pemerhatian. Sesi kerja lapangan pertama dijalankan dalam bulan November 2008 di Pulau Tinggi dan Pulau Sibul, manakala sesi kerja lapangan kedua pula dijalankan di sekitar bandar Mersing, Johor pada Februari 2009.

Dalam kedua-dua sesi kerja lapangan ini, maklumat telah dikumpulkan dengan menemu bual para informan dalam kalangan penduduk dan pemimpin setempat. Antara mereka ini termasuklah ketua kampung, ahli jawatankuasa pentadbiran kampung, orang tua-tua kampung, pemimpin belia, operator chalet dan penginapan pelancong setempat, para peniaga, nelayan dan operator bot pelancong, termasuk kakitangan awam seperti polis, guru sekolah, dan kakitangan Jabatan Taman Laut.

Konsep Depopulasi

Sejarah manusia telah membuktikan bahawa peperangan merupakan antara contoh terbaik kepada berlakunya insiden depopulasi. Begitu juga halnya dengan kejadian bencana alam, merebaknya wabak penyakit dan terbentuknya sistem politik dan ekonomi yang bersifat menindas seperti perhambaan yang mana kesemua ini turut memberi kesan kepada proses depopulasi.

Depopulasi daripada segi istilah dalam tulisan ini merujuk kepada sesuatu situasi yang mendorong kepada berlakunya pengurangan penduduk dalam kadaran yang agak besar dan secara berterusan. Ia juga boleh dirujuk sebagai suatu trend demografi bersifat jangka panjang yang melibatkan berlakunya insiden pengurangan penduduk atau pergerakan keluar penduduk secara beramai-ramai daripada sesuatu kawasan sebagai tindak balas kepada pelbagai faktor. Antaranya, akibat daripada tarikan kuat pusat pertumbuhan berdekatan, meningkatnya ancaman ekonomi akibat kemusnahan ke atas asas-asas sara diri setempat, ancaman keselamatan daripada pencerobohan luar, kejadian bencana akibat perubahan iklim/cuaca, dan tekanan-tekanan politik dan pentadbiran termasuk pembangunan yang mendesak penduduk setempat mencari jalan keluar ke tempat lain bagi meneruskan penghidupan.

Kawasan Kajian

Kajian ini melibatkan dua kawasan pulau dalam perairan Mersing iaitu Pulau Sibul dan Pulau Tinggi dalam Daerah Mersing, Johor.

Pulau Sibul

Pulau Sibul terletak kira-kira 34 km dari Mersing atau 10 km dari Tanjung Leman dengan keluasan 503.296 hektar (1,243.63 ekar) dan meliputi pantai berpasir seluas 102.621 hektar. Ia merupakan pulau utama dan terbesar di antara 15 buah pulau bagi Gugusan Pulau Sibul. Ia dizonkan sebagai kawasan santuari batu karang yang merupakan salah satu ekosistem yang paling produktif dan kaya dengan spesies flora dan fauna. Ia terletak di bawah pentadbiran Majlis Daerah Mersing sejak 2004 dan diwartakan sebagai Pulau Taman Laut pada 1994 di bawah Perintah Penubuhan Taman Laut Malaysia 1994 dan Akta Perikanan 1985. Ia juga turut diwartakan sebagai kawasan Taman Negara Johor Kepulauan Mersing oleh Pihak Berkuasa Negeri Johor di bawah Enakmen Taman Negara Johor 1989 kerana keupayaannya membentuk satu destinasi pulau-pulau yang unik dan mempunyai kepelbagaian tarikan semula jadi.

Dari segi populasi, jumlah penduduk di Pulau Sibul pada tahun 1991 adalah seramai 280 orang dan merosot kepada 219 orang pada tahun 1998. Dalam banci tahun 2000, penduduk Pulau Sibul dianggarkan meningkat kepada 322 orang tetapi kembali merosot kepada 273 orang pada tahun 2002.

Asas ekonomi penduduk Pulau Sibul sebelum ini bergantung hidup kepada kegiatan perikanan. Bagaimanapun, mengikut anggaran tahun 2003, seramai 139 orang (43.2%) penduduk pulau ini dilaporkan telah terlibat dalam sektor pelancongan sebagai pengusaha

chalet kampung termasuk kelong atau sebagai pemandu bot dan pekerja chalet/resort. Sebahagian lain kekal bekerja sebagai nelayan pesisiran pantai, di samping yang lain menjalankan aktiviti pertanian secara kecil-kecilan. Bagaimanapun, berikutan masalah kekurangan modal dan pengetahuan mengurus chalet oleh penduduk tempatan menyebabkan banyak daripada operasi chalet tempatan telah diambil alih pengurusannya oleh pengusaha luar lagi bermodal besar. Daripada segi pendapatan, pada tahun 2003, sejumlah 42% penduduk dilaporkan berada dalam kategori miskin dan kebanyakan mereka ini adalah nelayan dan petani (Laporan Tahap Tampungan dan Garisan Panduan Pembangunan Pulau Sibul, 2007).

Pulau Tinggi

Pulau Tinggi yang terletak 32 km dari Mersing atau 20.4 km dari Tanjung Leman juga merupakan antara pulau terbesar di pesisir laut negeri Johor dengan berkeluasan 1524.18 hektar termasuk kawasan pantai. Ia merupakan salah satu daripada 9 buah pulau dalam gugusan Pulau Tinggi yang diletakkan di bawah pentadbiran Majlis Daerah Mersing sejak 2004 dan diwartakan sebagai Pulau Taman Laut pada 1994 di bawah Perintah Penubuhan Taman Laut Malaysia 1994 dan Akta Perikanan 1985. Ia turut diwartakan sebagai kawasan Taman Negara Johor Kepulauan Mersing oleh Pihak Berkuasa Negeri Johor di bawah Enakmen Perbadanan Taman Negara Johor 1989 dan dizonkan sebagai kawasan rezab terumbu karang dan hidupan laut.

Dari segi kependudukan, jumlah penduduk di pulau ini turut mengalami kemerosotan sepertimana kebanyakan pulau-pulau kecil lain di sekitar perairan Mersing. Pada tahun 1991, kependudukan di Pulau Tinggi dianggarkan seramai 441 orang. Selepas itu, trend penurunan penduduk di pulau ini terus berlaku dan merosot kepada 270 orang pada tahun 2000 dan merosot lagi kepada 204 orang pada tahun 2002.

Daripada segi asas ekonomi penghuni Pulau Tinggi, hampir 60% penduduk pada tahun 2006 terlibat dalam aktiviti perikanan dan pertanian sebagai nelayan dan bercucuk tanam secara sara diri. Baki 40% penduduk didapati bekerja di sektor pelancongan sebagai pengusaha chalet atau sebagai pemandu bot dan pekerja chalet/resort. Daripada segi tingkat pendapatan, sebahagian besar penduduk adalah berpendapatan di bawah RM300 sebulan (Laporan Tahap Tampungan dan Garisan Panduan Pembangunan Pulau Tinggi, 2006). Ini berikutan kekurangan aktiviti ekonomi sehingga mengakibatkan penduduk setempat kurang pekerjaan lalu ramai melakukan penghijrahan keluar ke tanah besar Mersing dan kawasan lain di daratan.

Gelombang Depopulasi Sekitar Kepulauan Mersing dan Faktor Penentunya

Pengalaman peribadi penulis menemu bual beberapa pihak yang pernah mendiami atau terlibat dalam pentadbiran kawasan pulau-pulau sekitar Mersing telah menemui bahawa insiden depopulasi sememangnya sudah lama berlaku di kepulauan tersebut. Bukti-bukti masa lalu dan terkini menunjukkan bahawa insiden depopulasi di sekitar kepulauan Mersing bukanlah sesuatu yang baru. Gelombang depopulasi ini dilaporkan telah berlaku sejak beberapa dekad lalu selepas pelaksanaan DEB dalam tiga fasa berikut.

Gelombang pertama berlaku sekitar tahun 1970-an. Ini boleh dikaitkan dengan dasar pembangunan tanah persekutuan anjuran kerajaan terutama pada sekitar tahun 1970-an. Pelaksanaan dasar pembangunan tanah sedemikian telah menggalakkan perpindahan ramai isi rumah dari sekitar gugusan kepulauan Mersing untuk menyertai skim-skim tanah rancangan FELDA sama ada yang terdapat di tanah besar Mersing, Johor seperti ke FELDA Tenggaroh mahupun di negeri-negeri lain di Malaysia terutamanya Pahang.

Gelombang kedua pula membawa kepada pergerakan keluar penduduk di sekitar tahun 1980-an hingga pertengahan tahun 1990-an. Perpindahan keluar ini agak lebih perlahan berbanding gelombang aliran keluar fasa pertama. Pada era ini, urusan penjualan dan pindah milik tanah penduduk setempat kepada orang luar terus berlaku, terutama yang melibatkan hartanah milik para peneroka FELDA yang tidak lagi diusahakan atau ditinggalkan terbiar. Turut mempengaruhi perpindahan keluar penduduk pada ketika ini adalah didorong oleh ancaman dan gangguan berterusan nelayan-nelayan bot pukut tunda ke atas ekonomi sara diri nelayan pantai. Ancaman berterusan daripada pencerobohan pemilik bot pukut tunda ke atas hasil perikanan sekitar pantai menyebabkan pergantungan hidup penduduk ke atas sumber perikanan semakin sukar. Lantaran, ramai kalangan nelayan generasi muda telah mengambil keputusan untuk beralih kepada ekonomi nelayan pantai di tanah besar sekitar Mersing bagi meneruskan penghidupan.

Meskipun telah berpindah ke daratan tanah besar Mersing, mereka ini masih kekal meneruskan penghidupan sebagai nelayan pantai. Mereka telah menggunakan hasil perolehan kewangan dari jualan tanah di pulau untuk membeli bot baru dan enjin bagi meneruskan kegiatan perikanan masing-masing. Ada juga dalam kalangan mereka ini telah menggunakan wang tersebut dengan membeli tapak rumah atau membina rumah baru di atas tapak rumah yang disewa daripada penduduk asal terutamanya di Kg. Sri Lumpur dan Kg. Sri Bahagia di bandar Mersing. Tidak kurang yang telah melaburkan modal dari hasil simpanan dan jualan hartanah masing-masing dalam perniagaan kecil-kecilan sebagai pekedai runcit, pekedai gerai makanan, atau sebagai kontraktor binaan. Bagi sesetengah penduduk, ada dalam kalangan mereka ini yang tidak lagi terlibat sebagai nelayan pantai sebaliknya bekerja sebagai awak-awak dengan pemilik-pemilik bot pukut tunda lebih besar yang berpangkalan di bandar Mersing.


Gelombang ketiga kepada proses depopulasi ini berlaku sekitar akhir tahun 1990-an. Arus pergerakan keluar daripada kawasan kepulauan sekitar Mersing pada ketika ini lebih didorong oleh tindakan pihak Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Johor yang telah mengazetkan beberapa pulau kecil yang berpenghuni di sekitar kepulauan Mersing sebagai kawasan Taman Laut (melalui penguatkuasaan Akta Perikanan 1985) dan sebagai kawasan Taman Negara (melalui penguatkuasaan Enakmen Perbadanan Taman Negara Johor 1989) pada tahun 1999. Semenjak penguatkuasaan kedua-dua akta dan enakmen tersebut, kesemua urusan pentadbiran dan pembangunan pulau-pulau kecil di sekitar perairan Mersing adalah tertakluk kepada kedua-dua akta dan enakmen tersebut. Ini bermakna sebarang aktiviti ekonomi penduduk dan pembangunan di pulau-pulau kecil ini adalah tertakluk kepada peraturan dan undang-undang di bawah kedua-dua akta ini.

Antara peraturan dan undang-undang tersebut adalah menghadkan sebarang aktiviti ekonomi dan pembangunan yang boleh membawa kepada kemusnahan sumber laut

DEPOPULASI KOMUNITI PULAU KECIL DI SEKITAR MERSING: FAKTOR PENENTU DAN IMPLIKASINYA



(a)



(b)

FOTO 1 (a) dan (b): Beberapa Bentuk Larangan yang Diperkenalkan bagi Kawasan Taman Laut Malaysia dan Taman Negara Johor Kepulauan Mersing

dan daratan yang terdapat di pulau-pulau ini. Hakikatnya, penduduk setempat tidak lagi bebas menjalankan kegiatan perikanan dalam jarak dua batu nautika daripada sempadan pantai pulau-pulau ini. Manakala, sebarang aktiviti pembangunan di kawasan daratan juga tidak lagi dibenarkan termasuk aktiviti mengeksploitasi sumber hutan dan hasil daratan. Langkah penguatkuasaan kedua-dua akta ini telah menyebabkan kegiatan nelayan pantai dan pertanian di daratan di pulau-pulau terbabit tidak lagi sebebaskan dahulu. Ramai dalam kalangan penduduk pulau ini telah mengambil keputusan berhijrah ke

dataran bagi memulakan kehidupan baru selepas penguatkuasaan undang-undang ini diperkenalkan. Ramai juga mengambil keputusan untuk menjual hartanah yang dimiliki kepada pengusaha-pengusaha perhotelan dan chalet bermodal besar dari luar.

Turut mempengaruhi proses depopulasi dalam tahap gelombang ketiga ini adalah akibat daripada perkembangan urbanisasi dalam kehidupan penduduk pulau. Hasil pemerhatian dan perbincangan penulis dengan penduduk dan beberapa kepimpinan setempat mendapati tekanan kuasa-kuasa pasaran, ketidaktentuan cuaca dan tarikan kepada gaya hidup bandar yang semakin mendominasi kehidupan masyarakat pulau, terutama generasi muda sejak mutakhir ini telah mendorong mereka untuk mengambil keputusan dan bertindak berpindah ke daratan. Umum menegaskan bahawa peluang pekerjaan dan pendidikan termasuk latihan di kawasan pulau ketika itu amat terbatas. Ibu bapa dan anak muda tidak lagi melihat adanya peluang pekerjaan yang lebih menjamin untuk masa depan keluarga dan diri masing-masing. Peluang menceburi ekonomi perikanan dilihat lebih terbuka luas di sekitar bandar Mersing, baik sebagai nelayan pantai mahupun sebagai awak-awak kepada pemilik bot tunda besar. Peluang untuk berniaga secara kecil-kecilan termasuk sebagai kontraktor binaan juga lebih terbuka luas di sekitar bandar Mersing berbanding peluang-peluang sedemikian yang begitu terhad di kawasan pulau.

Begitu juga keadaannya dengan peluang melanjutkan pelajaran bagi anak-anak ke peringkat sekolah menengah dan lebih tinggi lagi. Diperhatikan bahawa jumlah pelajar sekolah rendah di pulau-pulau kecil ini semakin berkurangan dan kelihatan tidak lagi berkost efektif berbanding dengan kos prasarana dan penyediaan guru bagi menampung keperluan pembelajaran murid di pulau-pulau ini. Demi masa depan pendidikan anak-anak, ramai ibu bapa telah mengambil keputusan berhijrah ke daratan sama ada dengan menyewa atau menumpang rumah saudara-mara lain. Tarikan kepada kejayaan kaum keluarga dan rakan sekampung lain yang lebih berjaya selepas berhijrah suatu ketika dahulu juga mendorong ramai mengambil keputusan untuk turut sama meninggalkan kampung halaman untuk mencuba nasib di daratan tanah besar. Tambahan pula, ketidaktentuan cuaca terutama di musim tengkujuh yang sering menimbulkan pelbagai masalah dalam pencarian sumber kehidupan, menghantar anak ke sekolah atau mendapatkan bekalan makanan dan keperluan lain juga telah mendorong ramai mengambil keputusan berhijrah ke daratan.

Perpindahan keluar penduduk pulau juga dilaporkan berkait rapat dengan usaha pihak-pihak tertentu yang sengaja mahu penduduk setempat berpindah keluar dari pulau tersebut. Golongan ini juga memainkan peranan sebagai pendorong yang menggalakkan penduduk setempat menjual hartanah milik masing-masing kepada orang luar. Malahan, arahan dan tindakan pihak berwajib kepada penutupan beberapa ruang niaga kecil yang dikendalikan penduduk setempat berdekatan dengan kawasan pesisir pantai juga telah menyebabkan ramai yang berniaga suatu ketika dahulu kini tidak lagi dapat meneruskan aktiviti tersebut. Begitu juga inisiatif pihak berkuasa tempatan membina tapak-tapak gerai baru pada kadar sewa yang rendah juga tidak banyak membantu penduduk setempat dalam menjana pendapatan tambahan memandangkan jumlah pelancong yang hadir ketika ini pula sangat sedikit dan bersifat bermusim.

DEPOPULASI KOMUNITI PULAU KECIL DI SEKITAR MERSING: FAKTOR PENENTU DAN IMPLIKASINYA




FOTO 2: Rakaman Perpindahan Sebuah Keluarga di Jeti Pulau Tinggi Menuju ke Tanah Besar Mersing.

Tidak kurang juga dalam kalangan muda-mudi yang berhijrah keluar ini didorong oleh kekurangan peluang mendapat pasangan hidup yang sesuai. Dilaporkan bahawa perkahwinan dengan orang luar sejak kebelakangan ini telah meningkat berikutan kekurangan pasangan pilihan dalam kalangan penduduk pulau sendiri. Tambahan pula, sikap prasangka penduduk di daratan Mersing terhadap komuniti pulau yang berlaku sebelum ini, kini telah banyak berubah. Mengikut beberapa individu berpengaruh di sekitar bandar Mersing, sikap masyarakat Mersing terhadap kehadiran orang pulau pada suatu ketika dahulu begitu dingin dan tidak menggalakkan. Wujud prasangka yang tebal dalam kalangan mereka yang sering memandang rendah terhadap orang pulau kerana dikatakan mengamalkan cara dan gaya hidup yang tidak dapat diterima oleh penduduk Mersing sendiri. Namun, kesemua ini telah berubah setelah ramai daripada warga pulau ini didapati kini jauh lebih berjaya daripada segi ekonomi dan kedudukan sosial masing-masing. Lantaran, kejayaan ekonomi penduduk pulau ini terutama yang menetap di Kg. Sri Bahagia, Mersing telah menyebabkan ramai daripada penduduk daratan Mersing kini semakin bersedia untuk menjalinkan hubungan keluarga dan perkahwinan dengan masyarakat pulau. Apatah lagi bekas penduduk pulau ini pada

masa kini dikatakan lebih berjaya daripada segi ekonomi, berharta dan terkehadapan dalam pendidikan dan perjawatan.

Implikasi Depopulasi di Kepulauan Sekitar Mersing

Depopulasi boleh membawa pelbagai implikasi sama ada kepada penghidupan penduduk asal mahupun kepada penduduk di destinasi yang ditujui. Dalam kajian ini dirumuskan berbagai implikasi tersebut kepada tiga kategori besar iaitu implikasi sosio-demografi; implikasi pembangunan fizikal dan ekonomi; dan implikasi pentadbiran dan keselamatan (security).

a. *Implikasi Sosio-Demografi*

Depopulasi yang selalunya disusuli dengan pengurangan penduduk secara besar-besaran dalam sesuatu kawasan, juga sekaligus boleh mengubah profil demografi, struktur dan komposisi penduduk di kawasan asal. Pengalaman penulis di Pulau Tinggi dan Pulau Sibul mendapati proses depopulasi ini telah membawa kepada penutupan beberapa kawasan perkampungan asal. Selain itu, beberapa kampung sedia ada pula telah mengalami kekurangan penduduk dan isi rumah yang agak ketara. Misalnya, bilangan kampung di Pulau Tinggi yang masih berpenghuni telah berkurangan daripada 19 buah kampung kepada 2 perkampungan sahaja iaitu di Kg. Pasir Panjang dan Kg. Tg. Balang (lihat Foto 3).

Malahan, bilangan isi rumah yang menghuni di Kg. Pasir Panjang dan Kg. Tg. Balang di Pulau Tinggi kini juga dilaporkan telah berkurangan kepada beberapa keluarga sahaja. Pengalaman sama turut diperhatikan untuk penduduk di Pulau Sibul. Berasaskan lebih daripada sepuluh kampung kecil sebelum ini, kini hanya tinggal tiga perkampungan sahaja yang terus dihuni iaitu Kg. Duku, Kg. Lama dan Kg. Kambau. Bagaimanapun,



FOTO 3: Papan Tanda Penunjuk bagi Senarai Kampung yang Terdapat dalam Mukim Pulau Tinggi, Mersing

pada keseluruhannya, sebahagian besar perumahan hanya terdapat di Kg. Duku selaku petempatan utama yang disediakan dengan pelbagai kemudahan asas. Meskipun terdapat sekitar 94 buah rumah di pulau ini, akan tetapi hanya 68 buah rumah sahaja didiami manakala selebihnya berkeadaan terbiar atau kosong.

Dari segi bilangan penduduk juga tidak menunjukkan peningkatan yang ketara untuk beberapa dekad lalu di kedua-dua pulau kecil ini. Pengalaman pertumbuhan penduduk di Pulau Tinggi juga dilaporkan tidak banyak berbeza dengan Pulau Sibul. Berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan tahun 1991 dan 2000, jumlah penduduk di Pulau Tinggi dilaporkan telah mencatatkan penurunan purata pertumbuhan tahunan iaitu sebanyak 5.6 peratus dari 441 orang pada tahun 1991 kepada 270 orang pada tahun 2000. Maklumat daripada Pejabat Daerah Mersing (2007) pula melaporkan jumlah penduduk Pulau Tinggi pada tahun 1998 adalah seramai 417 orang dan merosot kepada 270 orang pada tahun 2000 dan kemudian kepada 262 orang pada tahun 2005. (Laporan Kajian Tahap Tampungan dan Garis Panduan Pembangunan Pulau Tinggi oleh JPBD (2006). Dalam konteks Pulau Sibul pula, sumber Pejabat Daerah Mersing (2001) menunjukkan pada keseluruhannya di Pulau Sibul terdapat seramai 280 orang penduduk pada tahun 1991 dan meningkat pada kadar 1.55 peratus setahun kepada 322 orang pada tahun 2000. Bagaimanapun, mengikut perangkaan pada tahun 2002, jumlah penduduk di Pulau Sibul telah merosot kepada 273 orang (Laporan Tahap Tampungan dan Garis Panduan Pembangunan Pulau Sibul, 2007).

Keadaan di pulau-pulau lain dalam gugusan pulau-pulau kecil sekitar Mersing seperti Pulau Besar, Pulau Pemanggil dan Pulau Aur juga menunjukkan trend yang sama. Penduduk di Pulau Besar dilaporkan telah berkurangan dari 125 orang pada tahun 1998 kepada 98 orang pada tahun 2002. Sewaktu kajian tinjauan ini dilakukan adalah dilaporkan bahawa penghuni di Pulau Besar sedang mengalami kedudukan kritikal dengan jumlah isi rumah telah berkurangan daripada 10 keluarga kepada 3 keluarga sahaja. Manakala di Pulau Pemanggil pula, jumlah penduduknya telah berkurangan dari 152 orang pada tahun 1998 kepada 134 orang pada tahun 2005. Di Pulau Aur, jumlah penduduk asal juga telah mengalami pengurangan dari 315 orang pada tahun 1998 kepada 254 orang pada tahun 2004 (sumber dari Laman Web Pejabat Daerah Mersing, 2007).

Mengikut Laporan Kajian Tahap Tampungan dan Garis Panduan Pembangunan Pulau Tinggi (2006) dan Pulau Sibul (2007) oleh JPBD, penurunan bilangan penduduk di kesemua pulau kecil sekitar Mersing ini dikatakan berlaku akibat daripada fenomena migrasi keluar penduduk yang tertumpu kepada tanah besar yang menawarkan peluang-peluang ekonomi, perolehan pendapatan lebih tinggi dan faedah-faedah lain di sana.

Selain mengalami kekurangan penduduk, implikasi depopulasi ini juga telah mengubah struktur dan komposisi penduduk di pulau-pulau kecil ini. Misalnya, wujud masalah kekurangan tenaga kerja aktif dan produktif dalam kalangan penghuni di kedua-dua pulau tersebut. Begitu juga halnya dengan nisbah tanggungan turut dilaporkan telah meningkat dengan jumlah penduduk yang aktif lagi produktif (usia 15-64 tahun) telah berkurangan berbanding penduduk di luar usia aktif dan produktif (bawah 15 tahun dan 65 tahun ke atas).



FOTO 4: Potret Seorang Wargatua yang Tinggal Sendirian di Rumah Usang ini di Pulau Tinggi.
(a) Penghuni Rumah dan (b) Rumah Usang.

Turut terkesan daripada proses depopulasi ini ialah berkurangnya pilihan pasangan hidup dalam kalangan penduduk pulau. Ini telah membawa kepada meningkatnya insiden penanguhan perkahwinan dalam kalangan generasi muda ke usia lebih lanjut. Kadaran membujang dalam kalangan generasi muda juga dikatakan telah meningkat. Secara keseluruhan, hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa wujud suasana ketidakseimbangan penduduk mengikut nisbah jantina, sementara peratus penghuni wargatua dan keluarga tunggal pula diperhatikan semakin meningkat di pulau-pulau kecil ini.

b. Implikasi Pembangunan Fizikal & Sosioekonomi

Depopulasi juga boleh mengganggu-gugat usaha-usaha pembangunan fizikal dan ekonomi di kawasan kajian. Kekurangan penduduk boleh membantut sebarang usaha ke arah penajaan peluang ekonomi dan menarik pelaburan luar. Kekurangan pelanggan/pengguna di kalangan penduduk setempat sendiri boleh menghambat usaha-usaha ke arah pemangkin ekonomi pulau secara lebih lestari. Begitu juga potensi perkembangan perniagaan kecil dilihat agak terhad, lebih-lebih lagi jika dirujuk kepada perniagaan bermodal besar. Ekonomi sara diri juga semakin tergugat berikutan ketiadaan tenaga kerja pelapis dalam meneruskannya, ditambah pula dengan masalah eksploitasi pasaran terhadap barangan keluaran setempat, contohnya harga ikan dan hasil kelapa yang rendah. Depopulasi juga menghambat usaha-usaha ke arah perkembangan teknologi dan industri pelancongan. Ketidacukupan tenaga kerja lokal untuk berkhidmat di pusat peranginan berdekatan tentunya menimbulkan masalah kepada operasi industri pelancongan di pulau-pulau ini.

Turut terkesan daripada proses depopulasi ini ialah berlakunya masalah tanah terbiar. Banyak hasil pertanian seperti kelapa dan buah-buahan kini tidak dapat dipasarkan. Kekurangan pelajar sekolah juga membawa kepada pembaziran kos pembangunan fizikal dan modal insan di pulau-pulau ini. Dari aspek kualiti hidup,

depopulasi telah menggugat kesejahteraan sosial-psikologikal penduduk terutama dalam kalangan warga tua dan ibu tunggal. Nasib mereka didapati kurang terbela akibat kurang sokongan dan bantuan daripada anak-anak dan ahli keluarga yang kini telah berhijrah keluar dari pulau tersebut.

c. *Ancaman Pentadbiran dan Keselamatan*

Depopulasi juga boleh membawa ancaman kepada soal pentadbiran dan keselamatan di sempadan negara. Perairan negara kini diperhatikan semakin terdedah kepada pencerobohan warga asing, masalah penyeludupan dan ancaman lanun. Dalam keadaan kekurangan penduduk di pulau-pulau kecil ini, tidak ramai daripada mereka yang boleh diharapkan untuk memainkan peranan sebagai pengawas atau “mata-mata” kepada pihak berkuasa terutama dalam melaporkan sesuatu pencerobohan atau penyeludupan yang melibatkan bot warga asing atau ancaman lanun yang semakin ketara di perairan Mersing.

Langkah dan Strategi Penyelesaian Masalah Depopulasi

Penulis mengakui bahawa terdapat pelbagai sebab yang kompleks yang mendorong kepada berlakunya fenomena depopulasi ini, dan usaha untuk menanganinya bukanlah merupakan sesuatu yang mudah. Namun, kerjasama semua pihak dalam menangani perkara seumpama ini amat diharapkan.

Berikut dibentangkan beberapa langkah dan strategi penyelesaian kepada fenomena depopulasi yang sedang berlaku di kepulauan sekitar Mersing ini. Antara langkah strategik tersebut adalah seperti berikut:

a. *Meningkatkan dan menambah kecekapan Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM)*

Langkah ini diharap dapat membantu menangani masalah pencerobohan bot asing/luar dalam kawasan perairan pinggir pantai sekitar kepulauan Mersing yang sudah digazetkan sebagai kawasan terpelihara atau perlindungan. Pihak JTLM perlu menambah bilangan bot peronda laju yang sesuai untuk semua keadaan cuaca supaya tugas rondaan dan penguatkuasaan dapat dilakukan sepanjang waktu termasuk di musim tengkujuh. Pada musim tengkujuh, bot-bot pukut tunda asing dilaporkan sering mengambil kesempatan menangkap ikan ketika mencari perlindungan di gugusan pulau-pulau Taman Laut Mersing.

Selain itu, pihak JTLM juga perlu meningkatkan kecekapan pengurusan dengan menambah bilangan kakitangan terutama bagi menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan. Usaha juga perlu dilakukan untuk mempelbagaikan lagi peranan dan fungsi JTLM, bukan setakat terbabit dalam bidang penguatkuasaan tetapi juga dalam urusan pelancongan, pemantauan, penyelidikan dan pengurusan pulau-pulau Taman Laut.

b. *Pembabitan komuniti tempatan*

Bagi memastikan sumber pencarian perikanan nelayan tempatan terhindar daripada ancaman kemerosotan hasil dan memastikan setiap perancangan pemuliharaan Taman

Laut mencapai sasaran, pihak JTLM perlu mendapatkan pembabitan komuniti tempatan. Usaha ini banyak membantu kelancaran program terutama dari segi penguatkuasaan memandangkan JTLM masih kekurangan tenaga kakitangan. Pihak JTLM perlu memperluaskan program 'Rakan Park' seperti yang pernah ditubuhkan di Pulau Tioman di mana anggotanya dipilih daripada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Anggota Rakan Park boleh bertindak sebagai 'mata' dan 'telinga' JTLM dengan memberi maklumat jika ada berlaku kes-kes pencerobohan Taman Laut termasuk di kawasan aktiviti memancing atau menangkap ikan atau mengambil batu karang, gamat dan sebagainya. Melalui "Program Rakan Park" ini juga dapat ditanam semangat 'sense of belonging' dalam kalangan penduduk tempatan dengan memberi mereka tanggungjawab dan memupuk perasaan dan sikap lebih bertanggungjawab dan komited dalam menjaga kepentingan dan keselamatan pulau masing-masing.

c. Program kesedaran melalui pendidikan

Di dalam bidang pendidikan, perlu diadakan program kesedaran yang membabitkan penduduk pulau dan kanak-kanak sekolah di pulau-pulau Taman Laut. Fokus pendidikan kesedaran ini harus ditumpukan kepada konsep pemuliharaan. Di sini penduduk tempatan malah pelancong perlu ditanam kesedaran tentang kepentingan pemuliharaan sumber, kepentingan menjaga kebersihan pulau dan memupuk rasa *sense of belonging* dalam kalangan penghuni pulau untuk menjaga pulau masing-masing supaya kelak membawa keuntungan ekonomi dan sosial kepada mereka. Justeru, program pemupukan kesedaran melalui pendidikan itu amat penting kerana penguatkuasaan semata-mata adalah tidak mencukupi. Satu langkah proaktif yang wajar dipertimbangkan ialah mendapatkan kerjasama pihak berkenaan untuk memasukkan program Taman Laut ke dalam kurikulum sekolah sebagai usaha menyemarakkan lagi pengetahuan mengenai pemuliharaan.

d. Pemuliharaan Taman Laut

Di bawah Akta Fi 1951 Perintah Fi (Taman Laut Malaysia 2003), setiap pelancong tempatan dan asing yang berkunjung ke Taman Laut diwajibkan membayar fi pemuliharaan iaitu RM5 untuk orang dewasa dan RM2 untuk kanak-kanak di bawah umur 12 tahun. Wang yang dikutip digunakan untuk program pemuliharaan pulau termasuk kerja pembersihan pantai, pengawasan, operasi penguatkuasaan dan sebagainya. Disarankan bahawa selain menggunakan wang kutipan fi bagi membiayai tugas pemuliharaan, sebahagian daripada wang fi tersebut boleh juga digunakan dalam peratusan tertentu untuk membantu penduduk setempat yang kehilangan peluang pencarian mereka berikutan penguatkuasaan Akta Taman Laut dan Akta Taman Negara di pulau terbabit.

e. Denda lebih tinggi

Antara perkara penting yang perlu dilaksanakan oleh JTLM dalam melindungi kepentingan nelayan tempatan ialah mengenakan kadar denda/kompauan yang lebih tinggi atau hukuman setimpal untuk bot menangkap ikan asing yang didapati bersalah menceroboh perairan Taman Laut.

f. *Menyemak semula keputusan menggazet kepulauan Mersing sebagai kawasan Taman Laut dan Taman Negara*

Kedudukan pulau-pulau kecil sebagai destinasi pelancongan dan zon keselamatan tidak boleh dipandang sepi daripada segi fungsinya kepada penduduk oleh pihak pemerintah. Dalam konteks ini, usaha menyemak semula kewajaran menggazetkan pulau-pulau kecil yang berpenghuni di perairan Mersing sebagai Taman Laut dan Taman Negara harus diberi pertimbangan serius. Usaha pemansuhan atau menyemak semula semua atau sebahagian daripada terma yang terdapat dalam akta dan enakmen yang diguna pakai sekarang dijangka dapat membantu mengatasi atau meringankan tekanan hidup penghuni pulau sedia ada, dan sekaligus mengatasi isu aliran keluar penduduk dari pulau-pulau kecil ini.

g. *Meningkatkan potensi keluaran penduduk*

Langkah seterusnya ialah meningkatkan usaha mengeksploitasi sepenuhnya sumber pertanian (kelapa) dan laut (ikan) yang berpotensi dari pulau tersebut. Usaha mewujudkan beberapa industri kecil memproses hasil kelapa dan ternakan (lembu/kambing) boleh membantu menjana peluang pekerjaan dan pendapatan tambahan kepada penduduk setempat, lantas mengurangkan dorongan penduduk setempat untuk berhijrah keluar dari pulau tersebut.

Usaha juga boleh dilakukan dengan menghidupkan semula industri pelancongan di pulau-pulau kecil ini. Ini memberi peluang untuk penduduk asal pulau ini kembali bekerja dan membentuk kehidupan baru. Selain bekerja, penduduk sendiri perlu digalakkan memaksimumkan penggunaan hartanah yang dimiliki dengan kegiatan berkaitan pelancongan. Usaha mempromosi kawasan kelong atas inisiatif penduduk tempatan perlu digalakkan kerana ia boleh dijadikan tarikan pelancongan yang menguntungkan penduduk setempat dan ekonomi negara.



(a)



(b)

FOTO 4 (a) dan (b): Sebahagian daripada Hasil Pertanian dari Pulau Tinggi yang Dikumpul untuk Dipasarkan di Bandar Mersing



(a)



(b)

FOTO 5 (a) dan (b): Sumber Laut yang Boleh Diketengahkan untuk Penduduk Setempat bagi Menjana Peluang Pekerjaan dan Pendapatan

h. Strategi membangunkan semula a self-contained community

Langkah seterusnya melibatkan usaha membangunkan semula a *self-contained community* dalam kalangan penduduk pulau tersebut. Sesungguhnya strategi ini merupakan langkah kelestarian yang perlu diberi sokongan dan dokongan oleh semua pihak. Dalam konteks ini, usaha memperkasa masyarakat setempat perlu ditingkatkan melalui program pendidikan dan latihan yang relevan dan sesuai dengan keperluan ekonomi dan masyarakat pulau.



(a)



(b)



(c)



(d)

FOTO 6: Peluang Pekerjaan Berpotensi yang Boleh Dibangunkan Semula bagi Menjana Sumber Pendapatan kepada Penduduk Setempat Seperti (a) Bot Membawa Pelancong, (b) Rumah Rehat (c) Makanan Laut dan (d) Pembinaan dan Baikpulih Bot Pelancongan.

Penutup

Depopulasi dalam kalangan penduduk pulau sekitar Mersing merupakan suatu fakta sosial yang memerlukan perhatian serius oleh pihak berkenaan untuk menanganinya. Wujud tiga gelombang perpindahan penduduk yang berjaya dikenal pasti dan setiap gelombang

perpindahan tersebut didasari oleh faktor-faktor penentu lagi pelbagai puncanya. Depopulasi penduduk pulau sekitar perairan Mersing juga melahirkan pelbagai implikasi sosio-demografi; pembangunan fizikal dan ekonomi; serta pentadbiran dan keselamatan. Lantaran, sebarang langkah strategik dalam menyelesaikan kemelut depopulasi ini dapat memastikan bahawa kelestarian hidup penghuni dan pulau-pulau tersebut akan lebih terjamin di masa depan.

Rujukan

- Banci Penduduk dan Perumahan. 1991. Jabatan Statistik Malaysia, Malaysia.
Banci Penduduk dan Perumahan. 2000. Jabatan Statistik Malaysia, Malaysia
Kajian Tahap Tampungan dan Garis Panduan Pembangunan Pulau Sibu. 2003. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Malaysia.
Kajian Tahap Tampungan dan Garis Panduan Pembangunan Pulau Tinggi. 2003. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Malaysia.
Laman Web Pejabat Daerah Mersing. 2007.
Laporan Tahap Tampungan dan Garisan Panduan Pembangunan Pulau Sibu. 2007. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Malaysia.
Laporan Tahap Tampungan dan Garisan Panduan Pembangunan Pulau Tinggi. 2006. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Malaysia.
Pejabat Daerah Mersing. 2001.